

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, SELAKU PEMANGKU

KETUA UMNO BAHAGIAN SETAPAK,

DI MESYUARAT PERWAKILAN

BAHAGIAN SETAPAK, DI DEWAN BAHASA

DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR

PADA 22HB. APRIL, 1978 JAM 3.00 PETANG.

Tuan Pengerusi Majlis,

Para Perwakilan,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA dapat kita mengadakan mesyuarat pada petang ini. Saya sukalah mengalu-alukan para perwakilan dan pemerhati ke mesyuarat ini terutama mereka yang menghadirinya buat pertama kali.

2. Mesyuarat Perwakilan pada kali ini amatlah penting kerana para perwakilan sekalian akan memilih Ketua Bahagian dan ahli-ahli

2.

Jawatankuasa yang lain, yang akan berkhidmat selama tempoh dua tahun yang akan datang.

3. Saya tidaklah berhajat hendak menyentuh mengenai pemilihan kerana masalah inilah yang telah menjadi pertikaian Bahagian ini pada tahun lalu sehingga menyebabkan saya sendiri terpaksa mengambil alih tugas dan tanggungjawab Ketua Bahagian Setapak. Saya penuh yakin peristiwa yang telah berlalu telah pun memberi peluang dan masa yang panjang kepada ketua-ketua cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa yang lain untuk memikir dengan mendalam yang boleh

3.

menjadikan setiap perwakilan lebih matang lagi dalam pemilihan ketua dan ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian kali ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Memanglah benar tiap-tiap ahli mempunyai hak memilih dan dipilih untuk sebarang jawatan dalam parti. Dalam Ucapan Dasar saya di Perhimpunan Agung tahun lalu saya telah menegaskan bahawa hak bukanlah merupakan satu keistimewaan tetapi ialah satu tanggungjawab. Tiap-tiap hak yang tidak disertai dengan tanggungjawab tidaklah mutlak dari segi hakikat.

4.

5. Perlembagaan UMNO juga mengutamakan tanggungjawab dari hak. Ini melambangkan bahawa setiap ahli mestilah menyempurna dan menunaikan tanggungjawabnya terlebih dahulu sebelum dapat menggunakan hak-hak mereka. Diantara tanggungjawab yang diuraikan dalam fasal 8, pecahan satu ialah memegang teguh dasar parti dan melaksanakan tujuan-tujuannya, mematuhi perintah-perintah dan disiplin parti.

6. Apa yang saya suka menekankan di sini dan saya harap setiap ahli UMNO mestilah faham di atas hakikat ini, iaitu selepas keputusan mengenai pemilihan diisytiharkan, keputusan suara terbanyak

...5/-

5.

yang ditentukan pada hari ini adalah keputusan muktamad yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Setiap ahli hendaklah patuh serta hormat kepada keputusan ini dan mestilah bersatu semula di bawah pucuk pimpinan yang telah dipilih dengan suara terbanyak itu. Segala persengketaan atau persaingan yang berlaku dalam beberapa bulan sebelum ini, hendaklah dihapus dan ditenggelamkan supaya perjalanan pentadbiran parti dan kegiatan-kegiatannya dapat terus dilaksanakan tanpa sebarang halangan dan rintangan.

...6/-

6.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Persaingan dan perlumbaan dalam parti adalah perkara biasa terutama dalam tempoh masa yang hampir kepada pemilihan jawatankuasa parti. Sesungguhnya ini adalah petanda-petanda yang sihat bagi menggerakkan sistem demokrasi dalam parti. UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif berjuang menurut lunas-lunas demokrasi. Inilah semangat yang telah kita amalkan sejak UMNO ditubuhkan hampir 32 tahun yang lalu. Amalan ini telah pun menjadi asas kukuh UMNO. Dengan berjalannya amalan demokrasi dalam parti,

...7/-

7.

UMNO telah dapat terus kekal wujud, teguh dan berkembang. Tiada sesiapaapun dapat menyangsi atau menyangkalkan perkara ini.

8. Memanglah menjadi kebiasaan bagi setiap ahli yang bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan samada di peringkat Cawangan, Bahagian mahupun di peringkat nasional, sentiasa bersaing dan berlumba-lumba antara satu sama lain bagi memperolehi kemenangan. Tetapi dalam usaha kita mencari pengaruh dan sokongan janganlah sampai kita melakukan tindakan atau perbuatan yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian di kalangan ahli,

... **8** / -

8.

sehingga menyebabkan perjuangan parti kita menjadi lemah. Banyak lagi cara yang boleh kita gunakan bagi mendapatkan pengaruh dan sokongan ahli-ahli.

9. Pengaruh dan sokongan yang diperolehi dari budi-pekerti, tindak-tanduk dan dayausaha kita yang jujur dan ikhlas adalah merupakan usaha yang paling berkesan sekali. Jika kita jujur dan ikhlas serta bersikap dan berminat untuk sentiasa berkhidmat kepada masyarakat tanpa mengharapkan sebarang balasan dan faedah, TUHAN sentiasa memberkati usaha suci kita

9.

dan rakyat serta masyarakat sentiasa menghormati kita dan menjunjung tinggi fikiran dan pandangan atau tindakan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Sebagai parti yang tertua dan terbesar di tanahair, dan sebagai teras kepada Barisan Nasional yang memegang teraju Kerajaan di negeri-negeri pusat, UMNO mestilah menunjukkan contoh tauladan yang baik. Susunan Perlembagaan parti kita adalah lengkap bagi menentukan pentadbiran dan kegiatan parti berjalan di atas lunas-lunas demokrasi. Bentuk susunan parti

... 10/-

10.

dan pembahagian kuasa ada ditentu dan dihuraikan dalam Perlembagaan UMNO. Majlis Tertinggi mempunyai tanggungjawab, kuasa-kuasa dan kewajipan yang tertentu. Demikianlah juga dengan Badan-Badan Perhubungan yang ditubuhkan di tiap-tiap negeri, yang di iktirafkan oleh Majlis Tertinggi, mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing.

11. Tanggungan-tanggungan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa-Jawatankuasa Bahagian, tugas-tugas Perwakilan-Perwakilan Bahagian dan tugas-tugas Jawatankuasa-Jawatankuasa Cawangan-Cawangan ada ditentu dan dihuraikan satu persatunya

11.

dalam Perlembagaan parti. Inilah asas yang mesti dipatuhi oleh setiap pemimpin dan ahli. Ahli-ahli boleh menyuara dan membangkitkan sesuatu masalah, pandangan dan teguran mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Jika setiap ahli benar-benar memahami Perlembagaan dan mematuhi segala peraturan dan susunan perjalanan parti, tidak banyak persengkitaan atau pertikaian yang akan timbul.

12. Tiap-tiap ketua samada di peringkat Cawangan, Bahagian atau Perhubungan Negeri mempunyai tanggungjawab dan kewajipan masing-masing.

12.

Jika tiap-tiap ahli memberi sokongan dan kerjasama mereka tentulah Ketua-Ketua ini dapat menjalankan tugas dan peranan-nya dengan sempurna dan berkesan. Saya sedar bahawa Bahagian-bahagian dihadapi dengan berbagai masalah. Perkara-perkara kecil yang lebih merupakan masalah peribadi kadangkala sengaja dibesar-besarkan sehingga boleh menggugatkan perpaduan dalam Bahagian.

13. Saya sukalah mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa pemimpin-pemimpin dipilih untuk berkhidmat dalam tempoh masa yang ditentukan. Maka berilah peluang kepada mereka menunjukkan

13.

kebolehan dan keupayaan mengikut kemampuan mereka masing-masing. Jika kita mendapati seseorang pemimpin yang telah dipilih itu menyalahgunakan kuasa, atau menggunakan kuasa untuk faedah dirinya, ahli-ahli janganlah bimbang kerana perbuatan mereka itu akan menghilangkan kepercayaan dan keyakinan ahli kepada mereka. Dengan ini mereka dengan sendirinya akan gugur kerana tidak lagi dipilih untuk menjawat sebarang jawatan dalam parti. Tidaklah payah kita tergesa-gesa mengemukakan undi tidak percaya kepadanya.

14.

14. Sebagaimana saya katakan tadi UMNO mestilah menunjukkan contoh-auladan yang baik. Sebarang perbuatan yang tidak sihat atau tindakan menyalahi peraturan yang dilakukan oleh satu-satu Bahagian bukan sahaja akan melibatkan Bahagian-Bahagian yang lain bahkan akan merosakkan nama baik UMNO seluruhnya. Setiap ahli parti mestilah menjaga maruah dan kehormatan parti. Adalah menjadi tanggungjawab ahli meninggikan imej parti dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mewujudkan kepercayaan dan keyakinan orangramai terhadap parti kita.

... 15/-

15.

15. Kita mestilah ingat bahawa UMNO bukan memperjuangkan kepentingan puak dan gulungan atau orang-orang perseorangan, tetapi berjuang bagi menghasilkan cita-cita kebangsaan, hasrat dan harapan rakyat. Kita mestilah sentiasa berpegang kepada matalamat perjuangan ini. Inilah juga yang diperjuangkan oleh parti-parti yang bernaung di bawah Barisan Nasional sekarang ini.

16. Penubuhan Barisan Nasional telah dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Ia telah dapat mengurangkan persaingan dalam kegiatan-kegiatan politik di kalangan parti anggota

...16/-

16.

dan segala usaha dan tenaga adalah ditumpukan ke arah pencapaian matlamat dasar pembangunan ekonomi yang lebih pesat.. Barisan Nasional telah juga dapat meningkatkan perpaduan dan mengeratkan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Parti-parti politik yang bergabung dalam Barisan Nasional tidak lagi membangkitkan sebarang perkara yang sensitif yang boleh menyinggong atau membangkitkan perasaan perkauman.

17. Sesungguhnya perkauman adalah musuh negara. Ia boleh menimbulkan permusuhan di kalangan rakyat menghancurkan perpaduan kaum,

17.

merosakkan kemajuan dan memusnahkan kemakmoran kebahagiaan rakyat. Keselamatan negara akan terancam dan anasir-anasir anti nasional sentiasa menunggu untuk menggunakan suasana dan keadaan kekecuaan dan perpecahan ini bagi mencapai matalamat jahat mereka. Pemimpin-pemimpin yang menggunakan issue-issue perkauman bagi memperolehi pengaruh dan sokongan untuk partinya, merupakan pemimpin-pemimpin yang sudah habis modal dan hilang panduan. Saya sukalah mengingatkan bahawa menimbul dan membangkitkan issue-issue ini membawa akibat yang buruk. Merekalah yang akan bertanggungjawab di atas perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang dan tatasusila negara.

18.

18. Berbalik kita kepada Mesyuarat Perwakilan ini saya sukalah menyaksikan sendiri pemilihan yang akan dijalankan sebentar lagi supaya dapatlah saya menyerahkan tugas dan tanggungjawab pucuk pimpinan Bahagian Setapak ini kepada Ketua Bahagian dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang baru itu. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan persefahaman yang telah ahli-ahli sekelian berikan kepada saya selama saya memegang jawatan Ketua Bahagian ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

19. Dengan pesanan dan harapan ini saya dengan amat sukacitanya meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Setapak ini. Terima kasih.



No Siri 357
No Penerimaan 151/80